

## AKRONIM

Akronim terbentuk dengan menggabungkan huruf awal suku kata atau gabungan huruf awal dan suku kata daripada satu rangkaian kata, dan ditulis serta dilafazkan seperti kata yang wajar.

- i. Gabungan huruf awal rangkaian kata nama khas yang disingkatkan dengan huruf besar.

Contohnya:

ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia)

IKIM (Institut Kefahaman Islam Malaysia)

- ii. Gabungan huruf awal/suku kata pertama bagi rangkaian kata nama am ditulis dengan huruf kecil.

Contohnya:

tabika (taman bimbingan kanak-kanak)

cerpen (cerita pendek)

- iii. Gabungan huruf awal dan/atau suku kata pertama bagi nama khas, ditulis dengan huruf kecil yang dimulai dengan huruf besar.

Contohnya:

Bername (Berita Nasional Malaysia)

Mara (Majlis Amanah Rakyat)

**Kata Ganti Nama:**

<b>aku</b>	<b>digunakan apabila bercakap dengan kawan rapat atau kepada Tuhan,</b>
<b>beta</b>	<b>digunakan oleh raja dan sultan apabila bercakap dengan rakyat.</b>
<b>patik</b>	<b>digunakan oleh rakyat apabila bercakap dengan raja dan sultan. digunakan untuk merujuk kepada diri orang yang amat mesra dengan kita dan dengan Tuhan.</b>
<b>saya</b>	<b>digunakan apabila bercakap dengan orang yang baru dikenal/ orang lain pada umumnya.</b>
<b>kami</b>	<b>digunakan sebagai ganti diri orang yang berkata serta teman atau teman - temannya apabila bercakap dengan diri orang kedua.</b>
<b>kita</b>	<b>digunakan sebagai ganti diri dan menyertakan diri orang kedua yang menjadi teman bercakap.</b>
<b>anda</b>	<b>digunakan untuk merujuk kepada diri orang kedua apabila kita tidak berhadapan muka dengan dia.</b>

<b>Awak/ kamu</b>	<b>digunakan untuk diri orang kedua yang rapat hubungannya dengan kita seperti kawan / adik.</b>
<b>tuanku</b>	<b>digunakan ketika bercakap dengan sultan atau raja.</b>
<b>baginda</b>	<b>digunakan untuk raja, sultan, atau kerabat diraja.</b>
<b>beliau</b>	<b>digunakan untuk diri orang ketiga yang kita hormati, seperti menteri dan guru.</b>
<b>ia/ dia</b>	<b>digunakan untuk diri orang ketiga yang umum ( untuk manusia sahaja ).</b>
<b>apa</b>	<b>digunakan untuk menanyakan nama benda dan binatang.</b>
<b>mana</b>	<b>Digunakan untuk menanyakan benda, binatang, orang dan tempat.</b>
<b>siapa</b>	<b>digunakan untuk menanyakan orang atau nama orang.</b>
<b>apa-apa</b>	<b>digunakan untuk hal atau benda yang tidak tentu.</b>
<b>siapa-siapa, sesiapa</b>	<b>digunakan untuk menggantikan orang yang tidak tentu.</b>
<b>mana-mana</b>	<b>digunakan untuk tempat atau benda yang tidak tentu.</b>

## **KATA SENDI**

Kata Sendi : dari dan daripada

dari - Digunakan di hadapan Kata Nama yang menyebut tempat, arah, waktu dan masa sahaja.

Daripada - Digunakan untuk menyatakan punca bagi manusia, haiwan, benda, perbandingan atau perbezaan, asal kejadian, benda abstrak dan untuk menunjukkan keanggotaan.

### **Kata Sendi 'di'**

1. Kata Sendi 'di' TIDAK BOLEH digunakan untuk hal-hal lain KECUALI tempat.
2. Kata Sendi 'di' ditulis berpisah daripada kata nama yang mengikutinya.
3. Kata Sendi 'di' TIDAK BOLEH digunakan di hadapan Kata Nama yang menerangkan waktu, masa dan zaman.

Contoh :

Negeri Melaka telah berkembang maju di zaman pemerintahan Sultan Mansor Syah. ( salah )

### **Pada**

1. Digunakan bagi menunjukkan keterangan atau masa.

Contoh : Bas kilang itu bertolak pada pukul 6.30 pagi.

2. Menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kerja

Contoh : Notis mesyuarat agung ada pada papan kenyataan.

3. TIDAK BOLEH digunakan di hadapan Kata Nama atau Frasa Nama yang bermaksud sasaran.

Contoh : Berdoalah pada yang Maha Esa. (salah)

Berdoalah kepada yang maha Esa. (betul)

## **Ke**

1. TIDAK BOLEH digunakan untuk perkara-perkara lain KECUALI tempat, arah, waktu atau masa.
2. TIDAK BOLEH digunakan di hadapan kata nama yang merujuk manusia atau haiwan.

Contoh :           Laporan itu telah diserahkan ke pihak polis. (salah )

                          Laporan itu telah diserahkan kepada pihak polis. (betul )

## **Kepada**

1. Digunakan untuk menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan dan unsur mujarad.

contoh:

- Minit mesyuarat itu diserahkan kepada Ali.
- Adik memberi susu kepada kucing.
- Jagalah anak-anak kita supaya tidak terdedah kepada bahaya dadah.

2. Digunakan untuk merujuk institusi yang berkaitan manusia.

Contoh: Surat itu hendaklah dihantar kepada Pejabat Pendidikan Daerah dengan segera.

3. Digunakan untuk menyatakan pecahan.

Contoh: Pasukan pengakap itu dibahagikan kepada lima kumpulan.

4. Digunakan untuk menyatakan keadaan.

Contoh: Suhu badan pesakit itu meningkat kepada 90°C .

5. Boleh dipadankan dengan Kata Sendi 'daripada'

Contoh : daripada 70% kepada 80 %.

### **Oleh, oleh kerana dan oleh sebab**

1. 'oleh' digunakan menunjukkan hubungan pembuat dalam ayat pasif.(di,ter dan kena)

Contoh: Buku itu ditulis oleh Ali.

Budak itu kena pukul oleh ibunya.

2. Yang membawa maksud sebab.

Contoh: Pelari pecut negara tewas oleh sebab kekurangan latihan.

3. Kata Sendi 'oleh' dan 'kerana' TIDAK BOLEH digunakan bersama-sama.

Contoh:

Dia dimarahi guru oleh kerana tidak hadir ke sekolah.(salah)

Dia dimarahi guru oleh sebab tidak hadir ke sekolah.(betul)

### **Dalam dan di dalam**

1. 'dalam' digunakan di hadapan Kata Nama yang membawa maksud lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak.

Contoh : Beberapa perkara telah dibangkitkan dalam mesyuarat semalam. (betul)

2. 'dalam' digunakan sebagai Kata Adjektif.

Contoh: Air perigi itu sungguh dalam.

3. 'di dalam' untuk menyatakan sesuatu yang konkrit.(ada ruang fizikal)

Contoh:Duit saya hilang semasa di dalam teksi.

### **Antara dan di antara**

1. 'antara' digunakan untuk menyatakan lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak.

Contoh : Banyak persamaan di antara Siti dengan Ani.(salah)

Banyak persamaan antara Siti dengan Ani.(betul)

2. 'di antara' digunakan untuk menunjukkan arah atau ada jarak ruang fizikal.

Contoh :

Pekan Rengit terletak antara Batu Pahat dengan Pontian. (salah)

Pekan Rengit terletak di antara Batu Pahat dengan Pontian. (betul)

### **Demi dan untuk**

1. Perkataan untuk dan demi TIDAK PERLU disertakan sekali.

Contoh :

- Kita mesti hidup bersatu padu demi untuk kesejahteraan negara.(salah)

- Kita mesti hidup bersatu padu untuk kesejahteraan negara.(betul)